AUTHOR: No author available SECTION: BISNES PAGE: 26 PRINTED SIZE: 153.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,589.00 ITEM ID: MY0071861089



04 NOV, 2026

# Orkim giat tambah kapal baharu, ganti kapal berusia

Berita Harian, Malaysia



## Orkim giat tambah kapal baharu, ganti kapal berusia

**Orkim Bhd** giat mempercepatkan usaha meremajakan armada kapalnya menerusi penambahan kapal baharu dan penggantian kapal berusia, bagi memastikan kecekapan operasi, kualiti perkhidmatan serta keupayaan menjana pendapatan kumpulan terus terpelihara.

Langkah pembaharuan armada itu semakin penting berikutan sebahagian besar kapal milik syarikat pengangkutan marin berkenaan menghampiri usia 20 tahun, sekali gus memerlukan perancangan penggantian bagi mengekalkan daya saing dalam industri pengangkutan produk petroleum.

Menurut laporan penyelidikan Apex Securities, penambahan kapal baharu Orkim Garnet dan Orkim Opal membantu mengurangkan kebimbangan berkaitan usia armada, khususnya risiko yang boleh menjejaskan pembaharuan dan perlanjutan kontrak pengangkutan sedia ada.

Orkim Garnet dengan kapasiti 13,850 tan berat muatan penuh (DWT) diserahkan kepada kumpulan itu pada 11 Mei 2026, manakala Orkim Opal berkapasiti 13,998 DWT mula beroperasi secara komersial pada Oktober lalu.

Kehadiran kedua-dua kapal itu menjadi sebahagian daripada strategi pembaharuan aset kumpulan, yang turut merangkumi ketibaan dua kapal baharu, Orkim Jade dan Orkim Ruby, yang dijadualkan pada tahun depan.

Penganalisis Apex Securities, Ong Yong Jen menganggarkan kapasiti keseluruhan armada Orkim akan meningkat kepada kira-kira 273,000 DWT menjelang akhir 2027, selepas mengambil kira pelupusan kapal yang dirancang.

"Peningkatan kapasiti itu dijangka membolehkan kumpulan mengekalkan keupayaan menjana pendapatan sepanjang proses pembaharuan armada, meskipun sebahagian kapal lama perlu digantikan bagi memastikan mutu dan kecekapan operasi terus terpelihara," katanya.

Setakat Oktober 2026, selepas kemasukan Orkim Opal, kumpulan itu memiliki 20 kapal berdaftar Malaysia dengan jumlah kapasiti 267,000 DWT dan purata usia armada 12 tahun, merangkumi kapal pengangkut produk petroleum bersih (CPP) serta gas petroleum cecair (LPG).

Dalam perkembangan berkaitan, Apex Securities berpandangan profil kontrak jangka panjang Orkim turut menyediakan perlindungan kepada pendapatan kumpulan ketika industri perkapalan berdepan ketidaktentuan kos bahan api susulan konflik di Asia Barat.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.